

Pelajar Orang Asli tekad cemerlang

Menjelang peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bulan depan, calon dalam kalangan Orang Asli di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rompin Permai, Pahang, tidak ketinggalan bertekad mencatat keputusan cemerlang, sekali gus membuktikan mereka juga mampu berjaya dalam bidang pendidikan.

Suntik semangat

Pelajar suku kaum Jakun, Eilenn Anuar, 15, berkata hasrat itu berserta galakan ibu bapa menyuntik dorongan mencapai prestasi membanggakan dalam akademik, seterusnya memartabatkan masyarakat peribumi itu.

Justeru, beliau berkata, dirinya memanfaatkan sepenuh peluang bimbingan di PIPOA untuk memantapkan pembelajaran dan berlatih

Sebilangan daripada mereka yang ditempatkan di Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA), Kuala Rompin, Pahang, turut melahirkan impian memasuki Tingkatan Empat di sekolah berasrama penuh (SBP) mahupun Maktab Rendah Sains MARA (MRSR).

menjaga disiplin ketika menuntut ilmu.

"Saya tidak mahu mensia-siakan segala kemudahan diberikan seperti tuisyen dan alat persekolahan demi mengejar cita-cita menjadi seorang guru Matematik. Saya mahu berkhidmat di perkampungan Orang Asli untuk membantu generasi muda dan menunjukkan contoh yang baik."

"Kejayaan itu nanti akan membuktikan bahawa Orang Asli walau pun sinonim dengan kehidupan di hutan, juga mampu berdiri sama tinggi dengan orang lain," katanya yang mendapat pendidikan rendah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Tempa kejayaan

Rakannya dari suku kaum Semelai, Aidil Hadzil Johan, 15, pula bersikap proaktif dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru di dalam kelas, selain mengamalkan ulang kaji dalam kumpulan di asrama PIPOA.

Beliau berkata, semakin ramai Orang Asli menempa kejayaan dalam bidang profesional, termasuk Dr Amri Dahdi dari suku kaum Semelai yang muncul Orang Asli pertama menjadi doktor perubatan.

"Kejayaan mereka meningkatkan keyakinan saya bahawa Orang Asli



Pelajar di PIPOA saling berkongsi ilmu ketika mengulang kaji dalam kumpulan.

mampu berjaya jika gigih berusaha. Saya bercita-cita menjadi doktor pakar bedah dan berbakti kepada masyarakat Orang Asli serta mengubah nasib keluarga," katanya.

Seorang lagi pelajar, Siti Nurhanis Hamidon, 14, berkata semangatnya berkobar-kobar untuk mengikuti jejak abang yang berjaya memasuki MRSR.

"Impian saya ialah melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Ireland dan menjadi doktor kelak," katanya.

Pelajar Tingkatan Satu, Nazaitul Neshia Husin, 13, berazam menjadi pelajar serba boleh dengan menyerai pelbagai bidang, termasuk pernah mewakili daerah Rompin dalam Kejohanan Bola Jaring Peringkat Negeri Pahang.

"Saya bercita-cita belajar di Perancis suatu hari nanti, sekali gus memenuhi minat mengembara," katanya.

Catat rekod

Sementara itu, Muhammad Luqman Mohd Nazri, 13, menekatkannya sebagai calon pertama Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Lanjan (Asli) merangkul keputusan cemerlang 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun lalu.

Pelajar suku kaum Jakun itu yang kini mengikuti persekolahan Tingkatan Satu di MRSR Baling, Kedah berkata, beliau perlu berdiskusi dan bijak menjaga diri dalam menjalani kehidupan berjauhan daripada keluarga.



Pelajar Orang Asli mendapat bimbingan di PIPOA.